

# 'Beromon', kaedah rawatan penyakit suatu ketika dahulu

Sumbangan Mohd Bohari

**MUNGKIN** ramai yang tidak pernah mendengar perkataan 'beromon'. Bagi sesetengah penduduk di Sarawak, beromon juga disebut 'berhantu'.

Beromon ialah upacara mengubat orang sakit yang dilakukan oleh pawang, dukun atau bomoh. Upacara ini pernah diamalkan oleh segelintir kaum Melayu dan peribumi lain yang tinggal di pedalaman Sarawak suatu ketika dahulu.

Mengapa beromon diamalkan? Sekitar tahun 50-an dan 60-an, untuk mendapatkan khidmat perubatan daripada doktor bertauliah adalah sangat sukar sekali, jadi beromonlah kaedah yang dipercayai dapat mengubat

penyakit.

Di samping itu, kebanyakan penduduk pada masa tersebut yakin dan percaya kepada kebolehan pawang atau bomoh untuk menyembuhkan penyakit.

Apabila seseorang sakit, pesakit atau keluarganya akan menjemput pawang untuk melakukan beromon. Pawang yang dijemput biasanya datang dari kawasan pedalaman.

Sebelum beromon dilakukan, pawang mesti memeriksa pesakit terlebih dahulu dan setelah mengetahui penyakitnya pawang akan menyediakan beberapa jenis barang.

Barang-barang yang diperlukan untuk beromon antaranya ialah kemenyan, bertih, telur yang sudah

diwarnakan dengan pelbagai warna, mayang pinang, tajau atau pasu kecil, bermacam-macam jenis bunga, pisang, patung-patung ukiran kayu dan kain putih.

Kemudian tuannya atau keluarga pesakit akan memberitahu dan menjemput jiran-jiran serta penduduk kampung untuk datang beramai-ramai bagi menyaksikan upacara beromon pada sebelah malam.

Upacara beromon diadakan dari jam 8.30 malam hingga 12 tengah malam dan biasanya mendapat sambutan daripada pelbagai peringkat umur penduduk.

Barang-barang yang disediakan untuk beromon diletakkan dalam sebuah tempat khas dan pawang akan memulakan upacara

dengan membakar kemenyan diikuti bacaan jampi mantera.

Semasa beromon, dipercayai pawang dapat melihat hantu dan hantu itulah yang memberi tahu pawang tentang punca penyakit si pesakit dan menolong pawang mengubatnya.

Kadang-kadang pawang mengubat dengan cara memukul mayang pinang ke badan si pesakit. Ada juga pawang yang menggunakan air daripada bermacam-macam bunga yang diletakkan dalam tajau kecil untuk mengubat pesakitnya.

Bagi pawang yang menggunakan air, ia akan disiram dari atas kepala sampailah ke bahagian kaki si pesakit. Terdapat juga pawang yang beromon dengan memakan

bertih, telur dan pisang, selain menggunakan patung ukiran kayu yang disediakan oleh tuan rumah.

Pendek kata, cara pawang beromon ditentukan oleh jenis penyakit seseorang, lain penyakit lainlah cara pawang menjalankan 'romon'nya.

Biasanya kanak-kanaklah yang paling seronok ketika menyaksikan pawang beromon sambil memukul mayang dengan melenggokkan badan persis orang menari.

Ketika beromon, pawang dipercayai dirasuk hantu dan tidak sedar apa yang dilakukannya. Hantu yang merasuk pawang akan memberitahu punca penyakit dan bagaimana cara menyembuhkannya.

Selepas itu pawang akan

membakar kemenyan sekali lagi sambil membaca jampi bagi mengeluarkan hantu di dalam badannya dan ini bermakna berakHIRlah acara beromon.

Seterusnya pawang akan memberitahu pesakit atau keluarganya mengenai pelbagai pantang larang yang harus dipatuhi pesakit untuk menyembuhkan penyakitnya. Pantang larang tersebut juga ditentukan berdasarkan jenis penyakit.

Antara pantang larang yang biasa dikenakan pawang ialah orang yang tinggal di rumah pesakit itu mungkin tidak boleh menyeberangi sungai atau laut dalam masa 40 hari atau rumah tempat beromon tadi tidak boleh dilawati oleh orang luar selama tiga hingga tujuh hari.

Sebelum pawang itu balik, dia dihadihkan barang-barang berupa makanan, pakaian dan sebagainya oleh tuan rumah. Kadangkala pawang itu sendiri yang menentukan hadiahnya dan ini juga bergantung pada keadaan penyakit yang diubatnya tadi.

Biasanya pawang meminta hadiah atau pengeras seperti kain putih, sedikit emas dan besi serta ayam jantan.

Bagi segelintir masyarakat yang masih percaya kepada keberkesanan beromon, ia dikatakan dapat merawat sesetengah penyakit yang tidak dapat dirawat dengan kaedah perubatan moden.

Bagaimanapun, berkurangan kesan upacara beromon ini ialah pembaziran. Betapa tidak, keluarga pesakit yang menganjurkan upacara beromon terpaksa menyediakan makan dan minum untuk ramai tetamu yang menyaksikan upacara berkenaan.


Amalan beromon mungkin boleh diterima jika penyakit yang dihadapi dipercayai tidak dapat dirawat oleh doktor. Namun, pada masa ini rawatan moden terbukti dapat menyembuhkan banyak penyakit dan senang diperolehi.



**AMALAN LAMA:** Seorang dukun suku kaum Melanau berusaha merawat pesakitnya yang mengadu sakit kepala. — Gambar Devian Bahasa Din Pustaka



**DIPERCAYAI:** 'Manang' atau dukun suku kaum Iban mengadakan upacara merawat pesakit.



**PERALATAN:** Sebahagian daripada patung-patung yang digunakan dalam upacara beromon dalam kalangan kaum Melanau dan Iban suatu ketika dahulu.